

Kempen Simpan Je & Tambah 2025 (“Kempen”)

A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini akan bermula dari jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025 sehingga jam 23:59 (GMT + 8) pada 31 Mac 2025 (“Tempoh Kempen”). ASNB, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen (“Peserta”) bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat di bawah.

4. Kriteria Kelayakan

- 4.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit sedia ada dan baru bagi Amanah Saham Bumiputera (“ASB”) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (“ASB 2”) (“Unit Amanah Yang Layak”), termasuk semua kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan syarikat milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“PNB”) dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
 - i. PNB;
 - ii. ASNB;
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn. Berhad (198501007000 (139442-U));
 - vi. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (201901007717 (1317044-M)); dan
 - vii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah.
- 4.2 Peserta terdiri daripada pemegang unit yang telah berdaftar dalam Akaun Dewasa atau Akaun Remaja dalam Unit Amanah Yang Layak.
- 4.3 Kempen ini menawarkan ganjaran bagi dua (2) *tier*. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi dua (2) syarat seperti berikut:

Kategori	Baki ¹ minimum dalam Unit Amanah Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen	Baki maksimum dalam Unit Amanah Yang Layak pada permulaan Kempen	Pelaburan terkumpul ² minimum dalam Unit Amanah Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen
Tier 1	RM10,000	Kurang dari RM100,000	RM1,000
Tier 2	RM30,000		RM3,000

Nota: ¹Baki yang tersedia bermula dari jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025

²Pelaburan boleh dilakukan dalam satu (1) atau beberapa transaksi.

4.4 Peserta mesti telah berjaya melabur dalam bentuk pembiayaan bank dan/atau tunai melalui mana-mana platform berikut (“Platform”):

- a. Kaunter (“OTC”) di cawangan ASNB dan ejen-ejennya;
- b. myASNB iaitu melalui portal (www.myasn.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih (termasuk transaksi Auto Labur);
- c. Perbankan internet ejen-ejen ASNB yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB termasuk MAE, Maybank2u, CIMB Clicks, RHBNow, AffinOnline, HLB Connect, Bank Islam GO dan AmOnline;
- d. Ejen digital ASNB termasuk TouchnGo eWallet dan mana-mana ejen digital yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- e. Mesin ATM Maybank dan CIMB Bank atau mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
- f. Skim Potongan Gaji (“SPG”) (Kerajaan dan syarikat swasta); atau
- g. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional

4.5 Peserta yang melakukan sebarang transaksi penukaran atau pemindahan ke dalam Unit Amanah Yang Layak adalah tidak layak bagi Kempen ini.

4.6 Peserta tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi jualan balik, penukaran atau pemindahan (kecuali transaksi pemindahan bagi Wakaf ASNB) dalam Unit Amanah Yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.

5. Hadiah Kempen

5.1. Kempen ini menawarkan hadiah Unit Amanah Yang Layak seperti berikut:

Kategori	Ganjaran Hadiah	Bilangan Pemenang	Jumlah Hadiah
Tier 1	<p>Pulangan 1.0% setahun ke atas baki RM10,000 yang pertama dalam Unit Amanah Yang Layak</p> <p>Pengiraan Ganjaran Hadiah: $1.0\% \times \frac{3 \text{ bulan}}{12 \text{ bulan}} \times \text{RM}10,000 \text{ yang pertama}$</p>	20,000 Peserta pertama yang layak	RM500,000 (dalam bentuk unit bagi Unit Amanah Yang Layak)
Tier 2	<p>Pulangan 1.5% setahun ke atas baki RM30,000 yang pertama dalam Unit Amanah Yang Layak</p> <p>Pengiraan Ganjaran Hadiah: $1.5\% \times \frac{3 \text{ bulan}}{12 \text{ bulan}} \times \text{RM}30,000 \text{ yang pertama}$</p>	10,000 Peserta pertama yang layak	RM1,125,000 (dalam bentuk unit bagi Unit Amanah Yang Layak)

Sebarang baki melebihi jumlah yang dinyatakan untuk setiap Tier adalah tidak layak untuk ganjaran hadiah.

6. Pemilihan Pemenang

- 6.1 Kempen ini adalah terhad kepada bilangan pemenang yang dinyatakan (20,000 untuk Tier 1 dan 10,000 untuk Tier 2) dan akan dijalankan berdasarkan “siapa cepat dia dapat” mengikut Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Peserta hanya layak untuk memenangi (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- 6.3 Setelah Tempoh Kempen tamat, pemenang akan dipilih berdasarkan akaun Peserta yang aktif bagi Unit Amanah Yang Layak (“Akaun Peserta”) yang telah memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam perenggan 4 dalam Terma dan Syarat ini.
- 6.4 Hadiah akan dimasukkan ke dalam akaun Unit Amanah Yang Layak milik pemenang, dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen dan/atau selepas sebarang keperluan yang berkaitan dengan pengkreditan unit dipenuhi.
- 6.5 Hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASNB sahaja dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. ASNB berhak untuk menawarkan hadiah dalam mana-mana unit amanahnya, tertakluk kepada kelayakan pemenang melabur dalam tabung tersebut, atas sebarang sebab tertentu mengikut budi bicara mutlaknya. Semua pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang diperlukan untuk menebus hadiah akan ditanggung oleh pemenang.
- 6.6 Sekiranya pemenang gagal untuk memberikan maklum balas atau memenuhi sebarang keperluan yang berkaitan dengan penebusan hadiah unit amanah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut.

- 6.7 ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya.
- 6.8 Pemenang akan dimaklumkan oleh ASNB melalui notifikasi e-mel atau mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, mengikut budi bicara mutlaknya.

7. Ilustrasi Pemilihan Pemenang

Jadual di bawah menunjukkan ilustrasi kelayakan bagi pemilihan pemenang:

7.1. Senario 1: Pemegang unit A layak untuk *Tier 1* dengan pegangan pelaburan pada baki minimum

Syarat-Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
1) Baki minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit A mempunyai RM10,000 dalam ASB apabila Kempen bermula pada jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025	Memenuhi keperluan baki minimum untuk <i>Tier 1</i>
2) Pelaburan terkumpul minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit A melabur RM1,000 untuk ASB dalam satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen ATAU Pemegang unit A melakukan beberapa transaksi pelaburan yang terkumpul menjadi RM1,000 sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan perlaburan terkumpul minimum untuk <i>Tier 1</i>
3) Tiada transaksi jualan balik	Pemegang unit A tidak membuat sebarang transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan tiada transaksi jualan balik untuk Kempen ini
<u>Kesimpulan</u>		
Pemegang unit A layak untuk <i>Tier 1</i> dan boleh memperoleh ganjaran hadiah <i>Tier 1</i> (1.0% setahun) ke atas RM10,000 pertama, sekiranya terpilih sebagai pemenang untuk kategori tersebut.		

7.2. Senario 2: Pemegang unit B layak untuk *Tier 2* dengan pegangan pelaburan melebihi baki minimum

Syarat-Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
1) Baki minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit B mempunyai RM45,000	Memenuhi keperluan baki minimum untuk <i>Tier 2</i>

Syarat-Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
	dalam ASB 2 apabila Kempen bermula pada jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025	
2) Pelaburan terkumpul minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit B melabur RM3,000.00 untuk ASB 2 dalam satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen ATAU Pemegang unit B melakukan beberapa transaksi pelaburan yang terkumpul menjadi RM3,000 sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan pelaburan terkumpul minimum untuk <i>Tier 2</i>
3) Tiada transaksi jualan balik	Pemegang unit B tidak membuat sebarang transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan tiada transaksi jualan balik untuk Kempen ini
<u>Kesimpulan</u>		
Pemegang unit B layak untuk Tier 2 dan boleh memperoleh ganjaran hadiah <i>Tier 2</i> (1.5% setahun) ke atas RM30,000 pertama, sekiranya terpilih sebagai pemenang untuk kategori tersebut.		

- 7.3. Scenario 3: Pemegang unit C tidak layak untuk mana-mana *Tier* kerana pegangan pelaburan adalah di bawah baki minimum yang diperlukan pada permulaan Tempoh Kempen

Syarat-Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
1) Baki minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit C mempunyai RM9,500 dalam ASB apabila Kempen bermula pada jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025	Tidak memenuhi keperluan baki minimum untuk <i>Tier 1</i>
2) Pelaburan terkumpul minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit C melabur RM1,000 untuk ASB dalam satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen ATAU Pemegang unit C melakukan beberapa transaksi	Memenuhi keperluan pelaburan terkumpul minimum untuk <i>Tier 1</i>

	pelaburan yang terkumpul menjadi RM1,000 sepanjang Tempoh Kempen	
3) Tiada transaksi jualan balik	Pemegang unit C tidak membuat sebarang transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan tiada transaksi jualan balik untuk Kempen ini
<u>Kesimpulan</u>		Walaupun mempunyai RM10,500 pegangan pelaburan di akhir Tempoh Kempen, pemegang unit C tidak layak untuk ganjaran hadiah Tier 1 kerana pegangan pelaburan adalah di bawah baki minimum yang diperlukan pada permulaan Tempoh Kempen.

- 7.4. Scenario 4: Pemegang unit D tidak layak untuk *Tier 2* (tetapi layak untuk *Tier 1*) kerana pelaburan terkumpul minimum dibuat sepanjang Tempoh Kempen

Syarat- Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
1) Baki minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit D mempunyai RM35,000 dalam ASB 2 apabila Kempen bermula pada jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025	Memenuhi keperluan baki minimum untuk <i>Tier 2</i>
2) Pelaburan terkumpul minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit D melabur RM1,500 untuk ASB 2 dalam satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen ATAU Pemegang unit D melakukan beberapa transaksi pelaburan yang terkumpul menjadi RM1,500 sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan pelaburan terkumpul minimum untuk <i>Tier 1</i> sahaja tetapi tidak untuk <i>Tier 2</i>
3) Tiada transaksi jualan balik	Pemegang unit D tidak membuat sebarang transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan tiada transaksi jualan balik untuk Kempen ini
<u>Kesimpulan</u>		Pemegang unit D layak untuk ganjaran hadiah <i>Tier 1</i> kerana pelaburan terkumpul minimum memenuhi jumlah yang diperlukan untuk <i>Tier 1</i> tetapi tidak memenuhi jumlah yang diperlukan untuk <i>Tier 2</i> sepanjang Tempoh Kempen.

Syarat- Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
Pemegang unit D boleh memperoleh ganjaran hadiah <i>Tier 1</i> (1.0% setahun) ke atas RM10,000 pertama, sekiranya dipilih sebagai pemenang untuk kategori tersebut.		

- 7.5. Scenario 5: Pemegang unit E tidak layak untuk mana-mana *Tier* kerana transaksi jualan balik dibuat semasa Tempoh Kempen

Syarat- Syarat	Contoh Scenario	Kelayakan
1) Baki minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit E mempunyai RM35,000 dalam ASB apabila Kempen bermula pada jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025	Memenuhi keperluan baki minimum untuk <i>Tier 2</i>
2) Pelaburan terkumpul minimum dalam Unit Amanah Yang Layak	Pemegang unit E melabur RM3,000 untuk ASB dalam satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen ATAU Pemegang unit E melakukan beberapa transaksi pelaburan yang terkumpul menjadi RM3,000 sepanjang Tempoh Kempen	Memenuhi keperluan pelaburan terkumpul minimum untuk <i>Tier 2</i>
3) Tiada transaksi jualan balik	Pemegang unit E membuat transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen	Tidak memenuhi keperluan tiada transaksi jualan balik untuk Kempen ini
<u>Kesimpulan</u>		
Pemegang unit E tidak layak untuk ganjaran hadiah <i>Tier 1</i> (dan <i>Tier 2</i>) kerana terdapat transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen.		

B) Terma dan Syarat Am

- Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
 - mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut dasar privasi ASNB yang dinyatakan di laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan

1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara kumpulan syarikat kami, ejen yang dibenarkan dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

2. Semua pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNB.
5. ASNB berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki menganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
7. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada cetakan atau elektronik, yang mengiklankan Kempen ini.
8. Sebarang keputusan oleh ASNB mengenai senarai pemenang Kempen ini untuk hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Jika pemenang Kempen ini tidak memberi respon/gagal dihubungi oleh ASNB dalam tempoh yang ditetapkan melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
10. Sebarang penyertaan dalam Kempen ini tidak tertakluk kepada hadiah yang mungkin tersedia untuk peserta melalui aktiviti di lokasi, jika ada.
11. Terma dan syarat Kempen ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.